

12/10/2003

1001 kisah Dr Mahathir

Azran Jaffar

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad adalah insan biasa - berkain pelikat di rumah dan berpakaian kemas di pejabat. Malah Perdana Menteri juga mudah mesra dan didekati semua peringkat umur ketika berkunjung baik ke bandar, pekan, kampung dan kawasan terpencil di pedalaman seluruh negara.

Sekeping gambar yang menunjukkan seorang kanak-kanak perempuan berbaju kurung merah bersalaman dengan Dr Mahathir ketika sedang mengambil tempat untuk bergambar pada satu majlis menunjukkan beliau adalah seorang pemimpin berjiwa rakyat.

Gambar yang digantung di bahagian antara paling hadapan Galeri 1 itu adalah sekeping daripada 1,031 gambar Perdana Menteri yang dipamerkan khusus pada Pameran Foto Seribu Wajah Dr Mahathir di Balai Seni Lukis Negara (BSLN) di ibu negara yang diadakan khas bagi mengenang jasa Perdana Menteri yang bakal bersara akhir bulan ini.

Dipamerkan bermula Isnin lalu dan berakhir pada 6 Disember ini, gambar berkenaan adalah daripada himpunan pertubuhan-pertubuhan media di negara ini termasuk Berita Harian dan New Straits Times dan sebahagian besarnya belum pernah disiarkan.

Seperti juga orang lain yang terpicat dengan ketokohan Perdana Menteri mungkin begitu juga dengan kanak-kanak perempuan di dalam gambar berkenaan yang tidak mahu menunggu lama dan kesempatan sementara mereka yang terbabit untuk bergambar bersedia menyebabkan kanak-kanak itu segera menghulur tangan untuk bersalam dengan Perdana Menteri.

Kata bidalan, sekeping gambar memberikan seribu makna, begitu jugalah dengan gambar yang sekeping ini dan memperlihatkan sifat Perdana Menteri yang serba sederhana dan sudi melayan orang ramai tidak kira golongan dewasa atau kanak-kanak dan ini mengingatkan kepada satu cerita yang dikisahkan seorang rakan.

Katanya, sewaktu Perdana Menteri menghadiri satu majlis di Kubang Pasu, Kedah yang mana dalam ramai orang yang menyambut kedatangan beliau, seorang kanak-kanak lelaki dari jauh memberitahu Perdana Menteri bahawa guru Quran Dr Mahathir sedang sakit.

Perdana Menteri melambai dan senyum ke arah kanak-kanak itu dan apabila selesai majlis, Dr Mahathir segera melawat gurunya yang dikatakan sedang sakit itu dan peristiwa ini menjadi antara kisah yang banyak diperkatakan oleh masyarakat di situ.

Sebagaimana tajuknya, Seribu Wajah Dr Mahathir, pameran yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, memperlihatkan Perdana Menteri dalam pelbagai aksi dari kesabaran menunggu keputusan pilihan raya 1982, pilihan raya pertama selepas dilantik menjadi Perdana Menteri kepada meninjau meja kayu buatan tangan di Chile yang sememangnya menjadi kegemaran beliau.

Gambar Dr Mahathir keluar dari pintu Kaabah ketika menunaikan umrah juga dipamerkan, malah seorang ahli perniagaan, Bunyamin Mohamed yang ditemui pada pameran itu menyatakan seronoknya melihat gambar Perdana Menteri keluar dari Kaabah yang mana katanya: "Tidak semua orang berkesempatan masuk ke dalam Kaabah."

Dengan kamera video digenggam di tangan bagi merakamkan gambar yang menarik, Bunyamin memberitahu, kehadirannya pada pameran itu adalah ingin melihat wajah Dr Mahathir yang dianggapnya seorang Perdana Menteri paling hebat.

"Banyak perubahan yang dibawa Perdana Menteri selain memimpin secara

konsisten dan apa yang membanggakan ialah beliau membawa negara ke hadapan... rasa berat juga apabila beliau hendak berhenti," katanya.

Diilhamkan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, pameran ini dirancang sejak awal tahun ini dan pada mulanya ia dicadangkan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), tetapi kerana beberapa sebab ia dipindahkan ke BSLN.

Ketua Jawatankuasa Pemilihan Gambar yang juga Pengurus Perkhidmatan Fotografi Pertubuhan Berita Nasional (Bernama), Rosli Hurmin, berkata pada awalnya jawatankuasa itu menerima 5,000 keping gambar dan jumlah ini dikecilkan pada setiap kali pertemuan pemilihan bersama ketua juru gambar pertubuhan media yang mengambil bahagian sehinggalah mencapai jumlah yang dipamerkan.

Bagi Bernama sendiri, pihaknya sudah memfailkan gambar-gambar Perdana Menteri sejak beliau menduduki jawatan berkenaan dan dalam himpunan Bernama ada kira-kira 10,000 keping gambar yang sudah dipilih dan dianggap terbaik, katanya.

"Namun dalam memperkatakan mengenai imej Perdana Menteri, jumlahnya terlalu banyak kerana setiap hari Perdana Menteri menghadiri sekurang-kurangnya satu majlis yang mendapat liputan media.

"Jika seorang juru gambar menggunakan satu gulung filem sudah ada 36 imej dan jika dikalikan dengan pertubuhan media yang ada di negara ini jumlahnya sudah cukup banyak.

"Itu baru satu, kalau dua tiga majlis... dan bagi sesetengah juru gambar mungkin menggunakan lebih daripada satu gulung jika dirasakan imej yang akan dirakamkan itu menarik.

"Jika dikalikan 36 imej dengan jumlah pertubuhan media, selepas itu dikalikan 365 hari dan dikalikan pula dengan tahun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, begitu banyak imej Perdana Menteri yang dirakamkan," katanya.

Kata Rosli lagi, bagi memudahkan pemilihan, setiap pertubuhan media yang mengambil bahagian diberikan tempoh gambar Perdana Menteri untuk jangkamasa tiga tahun.

Gambar yang dipamerkan dicetak pada kanvas manakala sebahagian lagi dipamerkan dalam bentuk multimedia.

Rosli berkata, pada awalnya pameran ini akan diadakan selama dua minggu, tetapi Pengarah BSLN, Wairah Marzuki menganggap pameran ini sebagai sesuatu yang unik dan bersetuju melanjutkan kepada dua bulan.

Seperti mana kanak-kanak perempuan dalam gambar yang dipamerkan itu tertarik kepada Perdana Menteri, begitu jugalah daya tarikan yang ada pada pameran ini yang mana ia mendapat sambutan yang cukup menggalakkan kerana sejak hari kedua lagi ia menyaksikan kedatangan pengunjung yang cukup baik. Ruang pameran di tingkat satu BSLN yang dibahagikan kepada beberapa bahagian itu menjadi tumpuan orang ramai.

Pasangan suami isteri, Noor Mohamad dan Junaidah Meor Hassan yang ditemui memberitahu, mereka amat meminati Dr Mahathir dan sentiasa mengikuti perkembangan Perdana Menteri dan faktor inilah yang mendorong mereka untuk menyaksikan pameran ini.

"Kebetulan kami sedang cuti, jadi kami mengambil kesempatan ke sini dan mungkin hujung minggu ini kami akan datang lagi bersama anak-anak," kata Junaidah.